

## LAWATAN KERJA MENTERI KANAN KERJA RAYA KE LOKASI BENCANA DI NEGERI PAHANG

**BENTONG** – Hari ini telah berlangsung sesi ketiga lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof ke lokasi-lokasi bencana di negeri Pahang.

Lawatan pada hari ini bermula di lokasi jalan putus di Seksyen 3.0, Jalan Bentong – Raub (Lama), daerah Bentong yang dilaporkan berlaku pada 11.50 pagi, 3 Januari 2021 (Ahad). Kejadian berpunca daripada hujan berterusan di lokasi tersebut dan berlaku limpahan air dari pembentung paip bersaiz 1500mm diameter ke permukaan pavemen jalan. JKR bersama syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan (Roadcare (M) Sdn. Bhd.) telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di tapak kejadian. Laluan tersebut dibuka kepada kenderaan ringan. Aliran trafik dialihkan ke Laluan Bentong-Gua Musang (FT008). Kerja-kerja pembaikan 'embankment' jalan oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) dengan anggaran kos sebanyak RM 3,000,000.00 dijangka dimulakan pada pertengahan bulan Januari 2021.

Sesi lawatan diteruskan ke lokasi bencana seterusnya di cerun runtuh, Jalan TrandumGap (FT 55, Seksyen 40.70), Daerah Raub, Pahang, yang dilaporkan berlaku pada 6.00 pagi, 21 Disember 2020 (Isnin). Insiden ini bersekali dengan runtuh bongkah batu sehingga ke tengah jalan yang berpunca daripada hujan berterusan pada 20 hingga 21 Disember 2020. JKR bersama syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan (Roadcare (M) Sdn. Bhd.) telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di tapak kejadian dan pemasangan papan tanda sementara di kawasan berkenaan. Peruntukan sebanyak RM 732,800.00 telah diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 31 Disember 2020 untuk menjalankan kerja-kerja memecahkan bongkah batu di lokasi runtuh cerun. Kerja-kerja memecahkan bongkah batu sedang dijalankan oleh pihak konsesi dan dijangka siap pada 9 Januari 2021 (Sabtu).

Lokasi terakhir sesi lawatan hari ini adalah di kawasan kejadian struktur 'approach slab' runtuh pada struktur jambatan Jalan Lechar Dong, Daerah Raub, Pahang, yang dilaporkan berlaku pada 3 Januari 2021 (Ahad), 6.30 petang. Jalan yang terlibat adalah jalan negeri dan dibina oleh pemaju Taman Perumahan Lechar. Insiden struktur 'approach slab' jambatan runtuh berpunca daripada hujan lebat mengakibatkan aliran air sungai Dong deras dan berparas tinggi. JKR bersama syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Negeri (YP Maintenance Sdn. Bhd.) telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di tapak pembinaan tersebut. Laluan ditutup untuk semua jenis kenderaan, dan aliran trafik dialihkan ke Jalan PLB (Jeram Rekrasi Jeram Bangkit). Kerja-kerja pembinaan semula struktur 'approach slab' yang runtuh adalah dengan anggaran kos sebanyak RM 700,000.00 dijangka dimulakan pada awal bulan Februari 2021.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
**6 JANUARI 2021**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my